

Mangsa banjir meningkat 707 orang

KUALA TERENGGANU – Mangsa banjir di negeri ini meningkat kepada 707 orang yang dipindahkan di 18 pusat pemindahan seluruh negeri ini sehingga jam 6 petang semalam.

Menurut portal banjir Kerajaan Negeri, kesemua mangsa banjir yang ditempatkan di 18 pusat pemindahan berkenaan adalah daripada 19 kawasan melibatkan enam daerah iaitu Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Besut, Setiu dan Hulu Terengganu.

Daerah Dungun mencatatkan angka tertinggi

mangsa banjir iaitu seramai 202 orang diikuti Marang (132), Setiu (109), Besut (101), Kuala Terengganu (91) dan Hulu Terengganu (26).

Sementara itu, laporan paras air Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri Terengganu sehingga jam 4 petang semalam mencatatkan, paras air di lima sungai di Terengganu melebihi paras bahaya dan paras tertinggi berikutan hujan lebat tidak berhenti sejak malam tadi.

Paras air Sungai Besut di Kampung La mencatat bacaan 20.57 meter melebihi paras bahaya iaitu 18.20 meter.

Sementara itu, paras air Sungai Setiu di Jambatan Permaisuri pula berada pada tahap 8.98 meter melebihi paras bahaya 8.30 meter.

Sungai Nerus di Kampung Langkap pula mencatat tahap 22.55 meter melebihi paras bahaya 21.00 meter manakala paras air Sungai Nerus di Kampung Bukit pula mencatat paras 12.63 meter melebihi paras bahaya 11.50 meter.

Paras air Sungai Berang di Kampung Menerong pula meningkat kepada 24.50 meter melebihi paras bahaya 24.00 meter.



Golongan remaja tidak melepaskan peluang mandi di kawasan paya yang ditenggelami air di Kampung Batu Tiong, Dungun.